


BAB 2

نظام اللغة العربية

SISTEM BAHASA ARAB

2.1 KELUARGA BAHASA ARAB

Bahasa Arab ialah salah satu daripada unit keluarga Bahasa Semiti. Dr. Subhi Salleh (1388H:47) mengatakan ia berasal daripada keturunan anak-anak Nabi Nuh a.s. iaitu Sam, Ham dan Yafis yang akhirnya membentuk puak-puak dan kabilah-kabilah Arab berikutnya. Tempat awal perkembangan bahasa Arab ialah bahagian Barat Daya Semenanjung Tanah Arab. Bahasa Arab adalah unit keluarga Bahasa Semiti yang paling banyak mendapat perhatian para pengkaji. Ia dianggap sebagai bahasa semiti yang tertua.




Bahasa Arab agak istimewa kerana hampir kesemua asas perkataannya terbentuk daripada tiga huruf konsonan () sebagai huruf asas (). Huruf asas tersebut berperanan mengekalkan makna asal atau makna teras sesuatu perkataan Manakala pengembangan kepada makna asal tersebut pula disampaikan melalui huruf-huruf vokal ().

2.2 RANGKA BAHASA ARAB ()

Bahasa Arab terbentuk daripada 3 komponen utama iaitu perkamusan, sistem bahasa dan konteks. Ketiga-tiga bahagian ini saling berkait dan melengkapi. Lihat Gambarajah di bawah :-

Gambarajah 2 : Rangka Bahasa Arab



Aplikasi sistem ini dapat dilihat dalam percakapan atau penulisan kita seharian. Ketiga-tiga komponen tersebut akan berfungsi serentak secara spontan -sebagai rumus bahasa- ketika kita berkomunikasi.

Sesuatu “**Perkataan**” atau “Lafaz” –yang dipakai- akan diolah mengikut syarat-syarat “**Struktur Bahasa/Pengkaedahan**” dan dipadankan pula dengan kedudukan “**Konteks**” supaya dapat memenuhi keperluan “**Makna Konteks**” yang dimaksudkan dalam sesuatu proses komunikasi.

Oleh itu, “Bahasa” jika dinisbah kepada seorang penutur adalah suatu piawai yang perlu dipatuhi atau medan pergerakan atau alat kehidupan manusia. Namun jika dinisbah kepada seorang pengkaji, ia berupa tajuk kajian dan alat perantaraan untuk menyelidiki latar belakang sesebuah masyarakat. Dengan kata lain, “Bahasa” adalah garis panduan kepada sesuatu “Pertuturan” atau “Penulisan”.

2.3 PERKAMUSAN ()

Kamus adalah senarai perkataan sesuatu “Bahasa”. Ia mencatat pengalaman atau membuat pemerian atau merujuk kepada pengalaman sesebuah masyarakat yang menggunakan “Bahasa” tersebut. Perkataan-perkataan yang dicatat itu akan merakamkan **makna hakiki** () dan **makna metafora** () daripada pengalaman masyarakat tersebut.

Sesuatu perkataan boleh menunjukkan lebih daripada satu makna. Namun apabila ia dipakai dalam mana-mana “ayat” yang mempunyai “konteks” () tertentu, unsur kepelbagaian makna tersebut akan hilang dan hanya satu makna yang paling sesuai sahaja yang diterima. Perubahan tersebut berlaku kerana sesuatu “ayat” tertakluk kepada “Penanda Wacana” ()-sama ada berbentuk “lafaz” atau “konteks”- supaya jelas mesej yang ingin disampaikan.

Ilmu Bayan (Retorik) adalah suatu bidang kajian yang khusus tentang perubahan “fungsi makna” sesuatu kata. Ilmu ini berupa suatu aplikasi kepada “sistem perkamusan”. Ia dapat menjelaskan bentuk pergerakan makna sesuatu kata daripada “makna hakiki” yang asal kepada “makna-makna retorik”. Kajian dalam bidang ini dibuat berdasarkan kepada sejarah pemakaian sesuatu kata berkenaan dalam Bahasa Arab.

Selain itu perkamusan atau leksikografi juga mengkaji tentang asal usul “fungsi makna hakiki” sesuatu kata. Ia dilakukan dengan berpandu kepada `uruf, ciri-ciri semula jadi, aspek peminjaman, proses penyerapan kata daripada bahasa asing dan seumpamanya. Perkembangan makna sesuatu kata melalui tempoh masa tertentu juga diberi perhatian serius di bawah disiplin ini.

Oleh itu kamus adalah salah satu daripada bahagian Bahasa Arab. Ia berfungsi sebagai “penolong” dan tertakluk kepada kehendak pengguna bahasa berkenaan.

2.4 STRUKTUR BAHASA ARAB ()

Struktur Bahasa Arab terdiri daripada 3 bahagian utama iaitu:-

- i. Struktur Fonologi ()
- ii. Struktur Morfologi ()
- iii. Struktur Sintaksis ()

2.4.1 STRUKTUR FONOLOGI ()

Fonologi ialah ilmu yang mengkaji tentang bunyi-bunyi bahasa menurut fungsinya. Ia menggunakan dua unsur berikut :-

A- **Penemuan-Penemuan Ilmu Fonetik**

Iaitu mengkaji ciri-ciri pergerakan organ pertuturan (ciri-ciri fonemik) dan kesan-kesan yang terhasil ketika proses pengujaran berlaku. Pemerian ciri-ciri fonemik tersebut dibuat melalui pemerhatian dalaman atau luaran terhadap organ pertuturan oleh pengkaji.

Kajian dalam bidang ini dilakukan dengan bantuan alat-alat makmal khas seperti organ pertuturan tiruan dan sebagainya. Hasil kajian bidang ini akan direkod dalam bentuk “bunyi” menggunakan alat perakam suara atau dalam bentuk “kod” menggunakan Sistem Ejaan Bunyi Antarabangsa.

B- **Perkaitan Ciri-Ciri Fonetik**

Iaitu merujuk kepada ciri-ciri persamaan dan perbezaan antara dua bunyi. Ciri-ciri ini sangat mustahak untuk membuat perbandingan satu bunyi dengan bunyi yang lain sama ada dari satu sudut ataupun beberapa sudut.


Contohnya seperti perbandingan di antara bunyi () dengan (). Kedua-dua bunyi tersebut mempunyai ciri persamaan jika dilihat dari sudut hubungan “daerah artikulasi” () kerana kedua-duanya dari kawasan bibir dan tergolong dalam kumpulan “bunyi nyaring” (). Bagaimanapun kedua-dua bunyi tersebut masih mempunyai ciri perbezaan, di mana bunyi () mempunyai ciri “sengauan” () dan bunyi () mempunyai ciri “letupan” ().

2.4.2 STRUKTUR MORFOLOGI ()

Morfologi ialah ilmu yang mengkaji proses pembentukan kata. Ia terdiri daripada tiga tunggak asas iaitu:-

1. Morfem atau Unit Kata ()
2. Fungsi Kata ()
3. Perkaitan Morfologi ()

Gambarajah 3 : Struktur Morfologi Bahasa Arab



Suffixs ()	Perubahan ()	Negatif ()
Imbuhan ()	Fungsi Makna ()	
Partikel ()	Hbgn. Nahuan ()	

A- **Morfem atau Binaan Kata** ()

Morfem atau **Binaan Kata** ialah satuan bahasa terkecil yang mempunyai makna dan tidak boleh dipecahkan lagi kepada sub-golongan yang lebih kecil. Contohnya seperti . Dalam bahasa Arab morfem terdiri daripada:-

1. **Acuan Kata Asal** ()

Iaitu “Kata Timbang” yang terdiri daripada 3 huruf asal sahaja yang dilambangkan dengan perkataan (- -).

2. **Suffix** ()

Iaitu morfem terikat yang ditambah di akhir sesuatu perkataan. Contohnya Ganti Nama () yang ditambah pada sesuatu Kata Kerja, seperti () dan lain-lain lagi.

3. **Imbuhan** ()

Imbuhan ialah morfem yang ditambah sama ada di awal atau di tengah atau di akhir sesuatu perkataan. Terdapat dua bentuk pengimbuhan iaitu dengan pengulangan bunyi yang sama seperti pada acuan kata kerja berimbuhan (-) atau dengan penambahan imbuhan seperti pada acuan kata kerja berimbuhan (-).

4. **Partikel** ()

Partikel ialah kata yang tidak dapat mengalami proses perubahan morfologi seperti derivasi () atau fleksi (). Contohnya seperti partikel (- - -) dan sebagainya.

Bentuk-bentuk Morfem tersebut memainkan peranan yang penting dalam membina atau membentuk sesuatu kata. Ia mempunyai fungsi makna yang tersendiri.


B- **Fungsi Kata** ()

“Fungsi Kata” bermaksud kedudukan kata apabila dilihat dari sudut peranan atau makna yang dibawa melalui sesuatu perkataan. Ia meliputi perkara-perkara berikut :-

1. Penggolongan Kata ()

Iaitu pengelasan bentuk kata kepada bahagian-bahagian tertentu berdasarkan fungsi makna yang dibawa. Pada umumnya perkataan dalam BA boleh dibahagikan sebagaimana berikut :-

Gambarajah 4 : Penggolongan Kata Bahasa Arab



2. Perubahan Bentuk Kata / Perubahan Morfologi ()

Iaitu sistem perubahan bentuk kata untuk membezakan kasus (Tanda Baris), kala, jenis, jumlah dan aspek. Secara umumnya Perubahan Bentuk Kata Utama dalam BA melibatkan 3 perkara berikut:-

i- **Perubahan Morfologi Isnadi ()**

Iaitu perubahan yang berlaku pada sesuatu Ganti Nama (GN) apabila bersambung dengan sesuatu Kata Kerja (KK). Contohnya perubahan GN () pada KK dan seumpamanya

ii- **Perubahan Morfologi Ilsaqi ()**

Iaitu perubahan yang berlaku pada sesuatu Ganti Nama yang bersambung sesuatu Kata Nama (KN), Kata Sifat (KS) dan Kata Dasar (KD). Contohnya perubahan GN () pada KN dan seterusnya.

iii- **Perubahan Morfologi Tasrifi ()**

Iaitu perubahan yang berlaku pada “Wazan” atau “bentuk” sesuatu Kata Nama atau Kata Sifat. Contohnya perubahan tanda bilangan dan tanda kasusu pada Kata Sifat

dan lain-lain lagi.

3. Fungsi Makna Wazan ()

Iaitu makna-makna tersirat yang berada di sebalik setiap “Wazan” yang dipadankan dengan sesuatu Kata Akar atau Kata Dasar. Ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu:-

i. Wazan-Wazan Asal

Iaitu bentuk-bentuk wazan yang tidak diterbitkan daripada perkataan lain seperti berikut :-

Wazan	Fungsi Makna
	Kebiasaannya menunjukkan makna <i>pisah, beri, tegah, halang, siksa, menang, bela, ubah, kekal, gerak, tutup, buang, lontar</i> dan <i>bunyi</i> .
	Kebiasaannya menunjukkan makna <i>penyakit, warna</i> dan <i>ciri</i> jika ia dalam bentuk KK Lazim
	Berkenaan dengan <i>tabiat semulajadi manusia</i> seperti <i>baik, buruk, tinggi, rendah, panjang, pendek, mulia, lembut, bersih, bodoh</i> dan dsb.

ii. Wazan-Wazan Terbitan

Iaitu wazan-wazan yang diterbitkan daripada perkataan lain sama ada melalui pengimbuhan atau menggunakan format tertentu seperti dalam contoh berikut :-

: () -

Dalam contoh ini Wazan () pada KK () telah memberi kesan makna “Transitif” ()

: () -

Dalam contoh ini Wazan () pada KK () telah menunjukkan makna “tempat” ()

Mengenali bentuk-bentuk wazan dan fungsi makna yang dibawa adalah perkara asas dalam menguasai BA. Kegagalan menguasai aspek ini dengan baik akan membantut perkembangan BA di kalangan pelajar. Ia adalah asas kepada pengolahan dan penterjemahan dalam BA.

4. Hubungan Morfo-Nahuan ()

Iaitu sumbangan aspek morfologi dalam menentukan “makna nahuan” tertentu seperti :-

- i. Perkataan yang dipakai sebagai Maf'ul Mutlaq ()
(atau Maf'ul Liajlih () hendaklah daripada bentuk


2.4.3 SINTAKSIS ()

Sintaksis ialah ilmu yang membicarakan tentang pengaturan dan hubungan antara kata dengan kata atau hubungan kata dengan satuan (unit bahasa) yang lebih besar atau hubungan antara satuan-satuan itu sendiri.

Dengan kata lain sintaksis ialah suatu bidang kajian tentang tatabahasa binaan frasa, klausa dan ayat-ayat; iaitu berhubung dengan cara bagaimana ia dibentuk. Bidang sintaksis meliputi empat perkara asas seperti berikut :-

1. Fungsi Makna Nahuan ()
2. Hubungan Nahuan ()
3. Acuan Morfo-Nahuan ()
4. Perkaitan Ciri-Ciri Nahuan ()

Gambarajah 5 : Struktur Morfologi Bahasa Arab



Fungsi Am	Fungsi Khas
-1	-4
-2	-5
-3	-6
	-7

A- ***Fungsi Makna Nahuan*** ()

Fungsi Makna Nahuan atau nama ringkasnya “Fungsi Nahuan” (FN) bermaksud peranan atau tugas sesuatu kaedah nahuan dalam sesuatu ayat. Ia terbahagi kepada Fungsi Nahuan Am dan Fungsi Nahuan Khas.

1. **Fungsi Nahuan Am**

Fungsi Nahuan Am ialah peranan keseluruhan sesuatu kaedah nahuan yang dipakai dalam sesuatu ayat seperti dalam carta di atas. Maksudnya ia adalah fungsi yang dilihat pada keseluruhan sesuatu jumlah atau ayat sama ada ayat itu sebagai *Ayat Penyata* atau *Ayat Aksi* atau *Ayat Ringkas*.

Ayat Penyata ialah ayat yang berperanan untuk menyatakan sesuatu maklumat atau menafikannya ataupun menegaskannya. Contohnya:

Ayat Aksi ialah ayat yang berperanan untuk menunjukkan makna tuntutan, pra syarat dan luahan perasaan. Contohnya :

Ayat Ringkas ialah ayat yang diungkap dalam bentuk ringkas yang tidak memerlukan kepada perkaitan makna antara subjek dan predikat. Contohnya : : " " ;

2. Fungsi Nahuan Khas

Fungsi Nahuan Khas ialah peranan nahuan setiap bahagian daripada sesuatu struktur ayat. Maksudnya peranan sesuatu perkataan sebagai Subjek () atau Predikat () dalam Ayat Namaan () atau peranan Kata Kerja (), Pelaku () dan Objek () dalam Ayat Kerjaan (). Lihat contoh-contoh berikut :-

- i. +
- ii. + + +

B- Hubungan Nahuan ()

Hubungan Nahuan ialah suatu forma keterikatan () yang berlaku antara unit-unit Fungsi Nahuan Khas di bawah satu struktur ayat tertentu. Forma keterikatan tersebut akan bertindak sebagai Penanda Wacana yang tersirat () kepada sesuatu proses transformasi (penyusunan /) unit-unit Fungsi Nahuan Khas () dalam ayat berkenaan.


Hubungan Nahuan akan memandu pembaca atau pendengar memahami urutan atau olahan sesuatu ayat. Sebaliknya pula ia juga berupa panduan kepada penutur atau penulis untuk membina sesuatu ayat. Ia adalah wasilah atau "transmitter" untuk perpindahan dan perolehan maklumat atau mesej dalam sesuatu proses komunikasi.

Berdasarkan kepada Hubungan Nahuan inilah kita akan dapat melihat perkaitan yang berlaku di antara unit-unit Fungsi Nahuan Khas yang akhirnya membolehkan kita memahami kedudukan struktur sesuatu ayat dari sudut Fungsi Nahuan Am pula.

Terdapat empat bentuk utama Hubungan Nahuan seperti berikut :-

- i. **Al-Isnad** (); iaitu hubungan nahuan antara Subjek dengan Predikat
- ii. **Al-Takhsis** (); iaitu hubungan nahuan antara Kata Kerja dengan unsur-unsur yang boleh menghadkan daerah makna kata kerja tersebut. Contohnya hubungan Kata Kerja dengan Objek.
- iii. **Al-Nisbah** (); iaitu hubungan nahuan yang dibuat menggunakan Partikel Jarr () atau Penyandaran () sesuatu Kata Nama atau Kata Sifat kepada kata nama yang lain.
- iv. **Al-Tab`iyyah** (); iaitu hubungan nahuan yang berlaku secara ikutan antara dua kata.
- v. **Al-Mukhalafah** (); iaitu hubungan nahuan yang berlaku dalam bentuk yang bertentangan dengan kaedah biasa.

Gambarajah 6 : Contoh Hubungan Nahuan dalam Bahasa Arab



C- **Acuan Morfo-Nahuan** ()

Acuan Morfo-Nahuan bermaksud bentuk-bentuk “Binaan Kata” yang boleh berperanan sebagai tanda kepada Fungsi Nahuan tertentu. Contohnya:-

- i. Penggunaan Masdar sebagai “Maf`ul Mutlaq” atau “Maf`ul Li Ajli” dan bukannya binaan kata yang lain.
- ii. Penggunaan Adverb atau Zorf atau apa-apa perkataan yang boleh berfungsi sepertinya sebagai “Maf`ul Fih” dan bukannya binaan kata yang lain.

- iii. Penggunaan Kata Sifat sebagai “Hal” atau “Na`t” dan bukannya binaan kata yang lain.

Bentuk hubungan yang agak “sinonim” ini menggambarkan betapa kuatnya perkaitan di antara dua bidang ilmu Morfologi dan Sintaksis dan tidak mungkin untuk diasingkan sama sekali.

D- **Perkaitan Ciri-Ciri Nahuan** ()

Perkaitan Ciri-Ciri Nahuan bermaksud perkaitan ciri-ciri persamaan dan ciri-ciri perbezaan dalam *Fungsi Nahuan*, *Hubungan Nahuan* dan *Acuan Morfo-Nahuan*.

Perkaitan ciri-ciri ini dapat membantu kita memahami ciri setentang seperti yang terdapat di antara Fungsi “Al-Ihkbar” dengan Fungsi “Al-Insya” atau. Penguasaan terhadap bentuk-bentuk perkaitan pada setiap bahagian kerangka bidang kajian Sintaksis tadi akan dapat membantu penguasaan BA dengan tepat dan mudah. Perlu ditingkatkan juga

Untuk lebih jelas lagi sila lihat contoh perbandingan yang dibuat dalam jadual di bawah :

		/
Nisbah /	Sebab /	
	Kata Dasar /	

Bagaimanapun masih terdapat perkaitan ciri persamaan di antara dua fungsi nahuan “Maf`ul Li Ajlih” dengan fungsi nahuan “Al-Idhofah” tersebut, iaitu kedua-duanya boleh diterjemahkan dengan menggunakan Partikel dalam contoh-contoh di bawah :-

: _____ -1

: _____ -2

2.5 **KONTEKS** ()

Melalui perbincangan di atas, kita dapat mengetahui bahawa “bahasa” adalah suatu sistem yang bergantung kepada “lambang” dalam menyampaikan sesuatu mesej. *Fonem* (), *Morfem* (/) dan *Sintak* () adalah tiga unsur utama yang merupakan tunggak kepada pewujudan “sistem bahasa”. Semua lambang bahasa atau perkataan adalah

dibentuk melalui penggabungan tiga unsur tersebut ketika menyampaikan sesuatu makna.

Sesuatu makna yang diperoleh melalui unsur morfem sahaja dipanggil "**Makna Kamus**" () atau "**Makna Literal**" (). Seterusnya jika sesuatu morfem itu dipakai dan diletakkan di bawah sesuatu struktur ayat yang lengkap, maka makna yang diperolehinya dipanggil "**Makna Fungsi Nahuan**" (). Seterusnya pula jika morfem berkenaan dilihat atau dikaitkan pula dengan sesuatu konteks tertentu, maka makna yang diperolehinya dipanggil "Makna Konteks" () atau "Makna Semantik" ().

Penjelasan tingkatan makna tersebut boleh dilihat melalui analisis fonem () dalam contoh di bawah :

<i>Lambang</i>	<i>Tingkatan Makna</i>	<i>Analisis</i>
	Leksikal	" di" / " pada "
	Fungsi Nahuan	Adverb /
	Konteks	Penentuan tempat kepada proses belajar

Oleh itu apakah yang dimaksudkan dengan konteks ?

Konteks ialah ciri-ciri alam di luar bahasa yang menumbuhkan atau mempengaruhi makna sesuatu wacana atau ujaran . Antara jenis-jenis konteks ialah konteks Sosio-Budaya, konteks linguistik dan konteks situasi.

Konteks Sosio-Budaya () ialah keseluruhan ciri-ciri budaya atau situasi non-linguistik di tempat berlakunya proses komunikasi. Konteks budaya juga mempunyai kaitan yang rapat dengan sesuatu kepercayaan keagamaan.

Konteks Linguistik () ialah konteks yang menentukan makna yang paling tepat untuk sesuatu "unsur bahasa" tertentu. Ia ditentukan berdasarkan lingkungan gramatikal yang menentukan kelas dan fungsi unsur bahasa tersebut dan lingkungan semantis yang ada di sekitar sesuatu unsur bahasa tadi.

Konteks Situasi () ialah lingkungan non-linguistik yang berperanan sebagai alat untuk memperincikan ciri-ciri situasi yang diperlukan dalam memahami makna sesuatu ujaran. Dalam konteks ini "makna" merupakan suatu hubungan yang kompleks di antara "ciri-linguistik" dan "ciri situasi sosial" bagi sesuatu ujaran tertentu.

Daripada penjelasan di atas kita dapat memahami bahawa lingkungan faktor sosio-budaya memerlukan kita memahami bentuk hubungan kemasyarakatan, aliran pemikiran dan ragam perasaan atau naluri sesebuah masyarakat. Sudah pasti hanya “anak watan” kelompok masyarakat berkenaan sahaja yang benar-benar mampu menghayati aspek sosio-budaya tersebut. Adalah tidak mencukupi sekadar berdasarkan kepada pembacaan sejarah dan kesusasteraan masyarakat berkenaan semata-mata.

Dilihat dari sudut ilmu Antropologi, konteks sosio-budaya berupa jaringan adat-istiadat, aktiviti harian, tradisi, sejarah dan sensitiviti sesebuah masyarakat. Oleh itu ia bukanlah suatu benda yang boleh disusun sebagai suatu kaedah atau disiplin tertentu. Bagaimanapun seseorang pengkaji boleh sampai kepada unsur-unsur konteks tersebut dan dia mampu membuat padanan sesuatu ujaran () dengan konteks tertentu apabila berdasarkan kepada kebiasaan atau adat sesebuah masyarakat berkenaan. Bagaimanapun dia tidak perlu mendakwa wujudnya suatu ikatan kemestian antara sesuatu ujaran dengan konteks tertentu.

Kenyataan ini disokong oleh fakta bahawa “konteks” dan “ujaran” kesemuanya adalah daripada tindak laku manusia yang sudah pasti sukar dan kompleks untuk digariskan. Contohnya lihat maksud kata-kata Athar ini :

Maksudnya :

Beringat-ingatlah akan keburukan orang yang engkau telah berbuat baik terhadapnya.

Kata-kata ini menunjukkan bahawa jika dilihat dari sudut kaedah atau logik, sudah pasti bahawa seseorang yang berbuat baik akan menerima balasan baik daripada orang lain. Bagaimanapun konteks membuktikan bahawa telah banyak kali kebaikan itu dibalas dengan kejahatan.

Oleh itu mengkaji “Makna Konteks” berupa suatu kajian tentang “Makna Ayat” melalui dua disiplin ilmu iaitu Bahasa dan Sosial. Ini kerana makna yang kita kaji itu adalah makna ayat yang dipakai mengikut konteks tertentu. Pemakaian bahasa bermaksud proses pengujaran sama ada dalam bentuk sebutan dan pendengaran atau penglihatan dan tulisan.

2.6

KESIMPULAN

Akhir sekali dapatlah kita simpulkan bahawa “bahasa” pada umumnya berupa suatu sistem yang menjelaskan “hubungan arbitrer” di antara “lambang” dengan “makna” mengikut budaya dan sebaran pemakaiannya dalam sesebuah komuniti bahasa tertentu.



